

Suatu bencana gejala sosial

U.M M/S 11 7/2/07

Oleh **NORMALA HAMZAH**
(WARTAWAN UTUSAN)

MACAM buang barang! Demikian anggapan yang terluah kala melihat mayat bayi yang ditemui dibuang di Flat Lobak, Seremban, Negeri Sembilan yang dimuatkan pada muka depan akhbar ini semalam.

Apa dosanya hingga diperlakukan sedemikian rupa? Saya pasti setiap mata yang melihat tubuh tidak berdosa itu menitisirkan air mata, paling tidak menahan sebak di dada.

Belum sempat menyedut udara di bumi Tuhan sebagai hamba-Nya yang putih bersih, dia kembali dijemput Ilahi dengan cara yang cukup tragis.

Siapalah wanita kejam yang tergamak melakukan perbuatan keji itu terhadap zuriatnya sendiri dan apa sebabnya.

Apakah manusia sudah tidak ada pertimbangan sehingga membuang zuriat mereka sesuka hati seperti membuang barang buruk yang sudah tidak mahu digunakan lagi?

Soalan-soalan ini pastinya tidak ada jawapan, tetapi wajarkah kita sebagai anggota masyarakat yang mendakwa dan melaug-laungkan sikap prihatin membiarkan terus fenomena ini berlaku?

Masalah buang bayi bukan perkara baru, malah telah berakar umbi sejak berpuluh-puluh tahun lalu. Sedihnya, kekerapannya sekarang begitu ketara.

Seks bebas, pergaulan tanpa batasan dan kealpaan ibu bapa menyumbang kepada permasalahan besar ini terus berlaku.

Menyingkap permasalahan ini dan melihat sekujur tubuh bayi tidak berdosa tergolek di atas rumput dengan calar-calar, apakah kita perlu berdiam diri?

Tentu tidak. Setiap orang yang tersentuh hati melihat fenomena tidak berhati perut ini perlu bangkit, sedar dan insaf. Kita ada tanggungjawab untuk disempurnakan.

Kita perlu memastikan ibu bapa, pihak sekolah dan mereka yang pakar dalam bidang-bidang berkaitan yang menjurus ke arah berlakunya penyakit sosial yang kejam dan hina ini mengambil serius akan perbuatan kejam ini.

"Mencegah sebelum berlaku lebih baik



BAYI lelaki yang ditemui di dalam tong sampah Flat Taman Bukit Jambul, George Town pada April 2006.



MAYAT bayi lelaki dijumpai di dalam sebuah beg pakaian di bawah jeantas stesen monorel Maharajalela, Kuala Lumpur pada September 2006.



SEORANG bayi perempuan yang berusia dua hari dijumpai dibuang di Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan, pada Disember 2006.

"Walaupun di peringkat awal kewujudan Kewaja tidak diiktiraf dan dicurigai, kini ia semakin mendapat perhatian. Sekurang-kurangnya kami menjadi tempat perhentian mangsa tersebut menunggu saat melahirkan anak mereka.

"Adalah lebih baik mereka ditempatkan di sini daripada hidup terumbang-ambing sehingga kemungkinan mendorong mereka bertindak membuang bayi yang mereka lahirkan itu," kata Yahya.

Kewaja mengambil tanggungjawab tersebut bagi memastikan setelah bayi dilahirkan, mereka tidak dibuang sebaliknya diuruskan dengan baik untuk dijadikan anak angkat dan sebagainya. Ada juga yang memelihara sendiri anak mereka.

Kewaja kata Yahya telah beroperasi sejak 1988 dan setakat ini telah memberi perlindungan kepada 750 wanita yang mengandung luar nikah sehingga membolehkan mereka kembali hidup seperti biasa.

Melengkapkan usaha membanteras bencana sosial ini Yahya menyarankan dua langkah utama diambil, pertama menge-

daripada mencegahnya selepas perkara telah berlaku,” demikian pandangan Dr. Sharifah Hayati Syed Ismail, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) dalam komennya mengenai fenomena buang bayi yang kembali meletus.

“Jika dilihat dari sudut Islam, konsep cegah sebelum berlaku atau yang dinamakan *sadd alzera'ie* menjadi keutamaan. Ia bermakna melakukan sesuatu untuk mencegah keburukan yang lebih besar. Islam telah meletakkan zina sebagai haram. Bahkan ia turut meletakkan persekitaran ke arah zina juga sebagai haram,” katanya.

Dalam hubungan ini kata Sharifah Hayati, masyarakat perlu melihat hubungan luar nikah sebagai sesuatu yang serius dan perlu dibendung. Langkah utama adalah menjauhkan anak-anak remaja kita dan kaum wanita dan lelaki daripada persekitaran yang menjurus ke arah tersebut.

“Hubungan sosial lelaki dan perempuan, persahabatan tanpa batas antara kedua-dua pihak perlu dipantau setiap masa. Di bahu ibu bapa dan masyarakat terletak beban tanggungjawab ini,” ujar Sharifah Hayati.

Beliau mengambil contoh tindakan kerajaan Selangor mengharam dan menutup rumah urut sebagai satu langkah wajar.

“Tindakan tersebut secara tidak langsung menghalang tumbuhnya rumah sedekian dengan lebih banyak dan menjadi empat yang disalahgunakan ke arah kegiatan maksiat,” ujarnya.

Menurut Sharifah Hayati, pemantauan dan pengetahuan di kalangan masyarakat mengenai perkara ini sangat penting.

Kawalan pengetahuan memang perlu membanteras bencana sosial daripada berlaku. Yang penting, mereka perlu berasas agama. Tahu dosa pahala, dan

bertindak rasional jika menghadapi ke-bantuan dalam membuat keputusan terhadap masalah kritikal seperti ini,” tambahnya.

Sharifah Hayati tidak menolak kebenaran bahawa wanita yang mengandung tanpa suami menghadapi tekanan, hilang pertimbangan dalam mencari keputusan menentukan kelahiran bayi yang kandungannya.

“Sebagai wanita pastinya dia akan tertekan kerana tidak ada suami sedangkan diri sudah mengandung. Keluarga pula enggan menerima.

Perasaan malu di dalam dirinya amat tebal. Malu kepada ibu bapa, keluarga, kawan-kawan dan jiran-jiran. Tambah tertekan apabila pasangan lepas tangan dan tidak mahu bertanggungjawab.

“Untuk menangani perasaan malu itu, tindakan terbaik yang difikirkan adalah dengan menyembunyikan diri sehingga bayi itu lahir.

“Setelah bayi itu lahir, mereka menjadi makin keliru, hilang arah. Siapa yang hendak menjaga, nak bagi makan apa dan sebagainya. Menyedari dia keseorangan dan tidak ada sesiapa termasuk pasangan, mereka mengambil jalan mudah membuang bayi tersebut di tempat awam,” tambah Sharifah Hayati.

Sehubungan itu kata Sharifah Hayati, masyarakat perlu mengamalkan konsep bantu membantu satu sama lain. Maksudnya saling tegur menegur dan ingat mengingati. Mereka juga perlu ada sikap bimbang.

“Sebagai manusia, kita perlu ingat, kita juga manusia, ada keluarga dan anak-anak. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu persekitaran tidak sihat ini berlaku di sekeliling kita. Ibu bapa perlu tanam sikap ini dengan serius. Bayangkan sesuatu perkara

itu daripada yang sebaik-baiknya, sehingga yang buruk. Selitkan sedikit rasa bimbang dengan pergaulan anak-anak remaja kita, baik lelaki atau perempuan. Ingatlah, jika ibu bapa tidak ada perasaan ini, satu hari nanti anak mereka mungkin boleh jadi pembunuh,” pesan Sharifah Hayati.

Beliau turut mengaitkan isu buang bayi ini dengan isu cetak rompak yang perlu dibendung dengan serius memandangkan ia menjadi salah satu perkara yang menyumbang berlakunya hubungan haram ini.

“Mana-mana sumber yang mendorong ke arah berlakunya kegiatan tidak bermoral ini seperti CD cetak rompak filem lucah perlu dihapuskan. Begitu juga dengan Internet dan sebagainya. Sudah sampai masanya satu pakatan bersepadu digerakkan untuk membanteras gejala tidak sihat ini daripada digunakan tanpa kawalan.

“Satu sistem kawalan menyeluruh dan berkesan perlu segera dilaksanakan untuk mengawal generasi mentah terdedah kepada perkara-perkara maksiat yang dipapar dalam Internet dan sebagainya,” cadangnya.

Fitrah wanita meletakkan mereka di tahap yang begitu cecal dan penyabar sehingga sanggup mengandung selama sembilan bulan tanpa suami. Pada masa ini terdapat pelbagai rumah kebajikan persendirian yang membuka ruang kepada wanita bermasalah mengandung tanpa nikah ini membina hidup baru. Salah satunya, Pusat Kebahagiaan Wanita dan Remaja (Kewaja) dan Kem Modal Insan Kewaja.

Pengasas dan pengetuanya, Yahya Mohamed Yusof berkata, pihaknya merasakan perlu untuk terus mengambil wanita mengandung tanpa nikah untuk tinggal di sini bagi menjamin kebajikan mereka sepanjang mengandung.

ibu bapa dibantu, pertama mengehadkan aktiviti sosial menjolok mata, pergaulan bebas tanpa waktu untuk jangka masa panjang dan kedua mewujudkan jawatankuasa bertindak di taman-taman perumahan bagi membanteras aktiviti tidak sihat di kawasan berkenaan.

“Pada masa ini kita dapati kebanyakan rumah bujang membolehkan lelaki dan wanita keluar masuk sesuka hati tanpa sesiapa menegur dan melarang. Di sinilah peranan jawatankuasa bertindak untuk menangannya,” tambah Yahya.

Pun begitu pihak berkuasa juga tidak harus memandang sepi akan permasalahan ini. Logikinya diakui, setiap mangsa mengandung tanpa nikah hilang pedoman dan hala tuju hidup. Kaunseling adalah cara terbaik untuk membantu mereka meneruskan hidup.

Badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkaitan perlu meningkatkan peranan dan tanggungjawab untuk menangani isu ini. Pusat-pusat penempatan khusus untuk golongan bermasalah ini perlu disediakan dengan lebih sempurna. Sudah sampai masanya satu peraturan baru diimplementasikan untuk membuka ruang kepada golongan ini mendaftar diri dan diberi perlindungan atas dasar kemanusiaan tanpa mengetepikan undang-undang jika ada.

Kaunselor juga patut turun padang memberi nasihat dan bimbingan untuk mereka melalui trauma ini dalam suasana tenang dan aman.

Perlu diingat, jika masyarakat tidak bertindak sekarang, jangan menyesal kiranya isu buang bayi ini bertukar menjadi bencana sosial yang dahsyat pada masa depan. Sebelum terlambat elok bertindak. Jangan biarkan air mata kita menitis lagi melihat jasad bayi tidak berdosa terdampar bagaikan barang buangan!